



KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	12/1/2017	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JABATAN PERHUTANAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

160 kayu balak bernilai RM55,000 dirampas

KUCHING - Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Lima Sarawak merampas 160 batang kayu balak pelbagai jenis dan saiz bernilai RM55,000 di Kampung Banyok di Batang Rajang, Sibul, pagi kelmarin.

Komander PPM Wilayah Lima, Asistan Komisioner Salehuddin Mat Zaman berkata, rampasan dilakukan sepasukan empat anggota PPM Wilayah Lima kira-kira jam 10.15 pagi.

Menurutnya, dalam serbuan di tepi

Kes disiasat menurut Seksyen 90 Ordinan Perhutanan Sarawak 2015. - Salehuddin

Sungai Banyok itu, anggota PPM menemui dua longgok pelbagai jenis dan saiz kayu balak yang diikat menjadi rakit.

"Pemeriksaan lanjut mendapati,

semua kayu terbabit tidak mempunyai cop pengesahan Jabatan Hutan Sarawak dan disyaki diperolehi secara haram.

"Tiada penahanan dilakukan dalam serbuan berkenaan dan semua kayu balak yang dirampas telah diserahkan kepada Jabatan Hutan Sarawak Wilayah Sibul untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat menurut Seksyen 90 Ordinan Perhutanan Sarawak 2015," katanya dalam kenyataan, semalam. - *Bernama*

Foto: Bernama



Anggota PPM Wilayah Lima Sarawak menunjukkan longgokan kayu balak pelbagai jenis dan saiz yang diikat menjadi rakit, kelmarin.